

# Tahap Kesediaan Fizikal Pelaksanaan Ruang Pembelajaran (*Learning Spaces*) Di Kolej Kediaman Universiti Kebangsaan Malaysia: Satu Tinjauan Awal

Anuar Ahmad & Nur Atiqah Tang Abdullah  
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

## ABSTRAK

*Penelitian berkaitan amalan pembelajaran abad 21 berteraskan kerangka 4iR telah membuka cabaran baru kepada para pengkaji pedagogi pendidikan khususnya pembelajaran berasaskan pengalaman (experiential learning) untuk menilai semula konsep ruang pembelajaran dan hubungannya dengan pencapaian hasil pembelajaran. Kertas ini adalah satu usaha awal untuk mengenalpasti cabaran menyediakan ruang pembelajaran yang selari dengan amalan pendidikan abad 21 di dalam konteks kolej kediaman di universiti awam. Dua persoalan utama yang cuba dijawab ialah (i) apakah tahap pelaksanaan ruang pembelajaran fizikal di kolej kediaman UKM? (ii) Apakah cabaran/halangan pelaksanaan ruang pembelajaran fizikal di kolej kediaman UKM? Berdasarkan hasil data tinjauan yang diperolehi, seterusnya beberapa cadangan yang sesuai akan dibincangkan di dalam kertas ini. Bagi mencapai tujuan kertas ini, satu tinjauan kualitatif secara pemerhatian telah dilakukan ke atas sepuluh kolej kediaman di kampus induk Universiti Kebangsaan Malaysia. Konsep ruang pembelajaran masakini telah dikenalpasti mestilah berteraskan personalized learning, berintegrasikan teknologi, inclusiveness dan mempunyai rekabentuk ruang yang fleksibel. Gabungjalin antara elemen kesediaan fizikal, kesediaan digital dan kesediaan biologi kini sudah diberikan keutamaan kepada pelaksanaan ruang pembelajaran. Kolej kediaman merupakan antara unit dalam ekosistem pembelajaran di universiti yang paling tinggi penggunaannya dalam kalangan mahasiswa (dari segi masa) selain di fakulti.*

**Kata Kunci:** Tahap Kesediaan, ruang pembelajaran, kolej kediaman

## PENGENALAN

*“ Spaces are themselves agents for change. Changed spaces will change practice”*

- Svinicki (2004)-

Kolej kediaman merupakan sebahagian daripada ekosistem kehidupan di dalam sesebuah institusi universiti. Oleh itu apabila universiti melalui proses perubahan maka secara langsung kolej kediaman juga akan turut melalui proses yang sama. Tuntutan dan keperluan untuk berubah biasanya akan melalui satu proses yang panjang khususnya di sebabkan oleh dua perkara. Pertama, kesediaan pentadbiran kolej untuk menerima dan melakukan perubahan yang diperlukan dan kedua kekangan peruntukan dan karenah birokrasi yang sukar untuk diuruskan. Kedua –dua isu ini jika tidak diuruskan dengan baik akan menyebabkan usaha melakukan perubahan supaya selari dengan perubahan universiti akan terganggu. Kesannya

kolej kediaman akan ketinggalan di dalam membawa perubahan kepada eko-sistem kehidupan warga universiti khususnya kepada para pelajarinya.

## LATAR BELAKANG

Kewujudan kolej sudah bermula sejak sekian lama termasuklah di universiti yang dianggap antara yang terawal di dunia seperti Universiti Karueein (859 AD di Morroco, Universiti Bologna, Itali (tahun 1088) dan Universiti Oxford di England ( 1096). Semua universiti ini mempunyai institusi penginapan untuk para pelajarinya dan juga ahli akademik mereka ([www.topuniversities.com](http://www.topuniversities.com)) Kewujudan institusi penginapan dan pembelajaran ada yang disekalikan di dalam satu ruang bangunan yang sama seperti yang diamalkan di Universiti Oxford. Malah sudah ada sekarang universiti yang baru di bina kembali menggunakan format ini untuk rekabentuk universiti mereka (lihat misalnya Universiti Dayton Ohio USA).

Tidak dinafikan secara tradisionalnya, hubungkait antara kolej kediaman sebagai pusat penginapan dan fakulti sebagai pusat pembelajaran adalah kefahaman yang dipegang oleh kebanyakan dari kita. Para pembuat dasar, para pereka bentuk kampus, para jurutera dan arkitek yang merekabentuk bangunan dalam universiti hinggalah kepada para pensyarah dan pelajar seringkali menganggap fakulti dan kolej kediaman adalah dua entiti yang berbeza dan tidak boleh disamakan. Maka kita dapat melihat kewujudan fakulti dan kolej kediaman seringkali diasingkan dan dipisahkan. Jika kita melawat UA di Malaysia, kita akan dapati semua kolej dan fakulti melakukan dua tanggungjawab yang berbeza dan biasanya secara fizikal mereka berada di dalam dua bangunan yang berbeza. Di Fakulti akan ada makmal, dewan kuliah dan bilik tutorial manakala di kolej akan hanya ada bilik-bilik penginapan pelajar. Inilah kelaziman yang ada di universiti kita. Inilah yang telah kita warisi dan amalkan sejak sekian lama. Pelajar akan menginap, tidur dan makan di kolej. Ada ketikanya belajar untuk menyelesaikan tugas mereka. Setiap pagi, mereka akan bergerak ke fakulti untuk menghadiri kuliah, tutorial atau berjumpa dengan para pensyarah. Mereka juga melakukan perbincangan kumpulan di fakulti kerana di dalam bidang pengajian yang sama.

## PERANAN KOLEJ KEDIAMAN: APA YANG PERLU BERUBAH?

Setelah hampir 17 tahun menjalankan khidmat sebagai pengetua Kolej Ibu Zain UKM, penulis berpeluang melihat perubahan dan perkembangan yang berlaku di dalam institusi kolej kediaman universiti awam Malaysia umumnya dan di UKM khususnya. Banyak yang telah berubah dan berkembang boleh dikongsikan tetapi untuk tujuan kertas ini penulis akan menumpukan kepada beberapa perubahan yang ketara khususnya berkaitan dengan peranan kolej sebagai institusi pembelajaran selain fungsi asasnya sebagai institusi penginapan. Mengapa kolej kediaman perlu terus berubah? Persekitaran global dan pasaran kerja era K-ekonomi menuntut situasi yang berbeza berbanding era ekonomi konvensional. Banyak kajian kebolehpasaran graduan telah dilakukan oleh para pengkaji. (lihat misalnya Harvey:2000; Morley:2001; Holmes:2001; Mason:2013; McCowan:2015). Berdasarkan penelitian yang dilakukan terhadap kajian-kajian yang telah dilakukan terdapat tiga cabaran utama yang harus difahami oleh kita iaitu:

- (1) Kebanyakan graduan di dapati kurang bersedia dari segi kemas diri, psikologi dan kemahiran diri (*softskills*) untuk menghadapi alam persekitaran baru di alam pekerjaan

apabila mula bekerja khususnya di syarikat multi nasional. Cai (2012) di dalam kajian beliau bertajuk "*Graduate Employability: A Conceptual Framework for Understanding Employers' Perceptions*" menjelaskan bahawa wujud hubungan yang rapat antara tahap pengalaman pembelajaran di universiti dengan keupayaan memenuhi keperluan dan *expectation* majikan. Jika di universiti pengalaman pembelajaran adalah selari dengan apa yang diharapkan oleh majikan maka seseorang graduan akan mempunyai peluang yang lebih tinggi untuk diterima bekerja dan berjaya dalam kerjayanya. Sebaliknya, jika pengalaman pembelajaran di universiti tidak selari dengan apa yang diharapkan oleh majikan, maka graduan berkenaan akan berhadapan dengan pengalaman yang sukar untuk bekerjasama dengan para majikan mereka khususnya di peringkat awal kerjaya mereka.

- (2) Penguasaan pengetahuan, teknologi dan kemahiran kerja (*hardskills*) di pasaran dilihat berubah dengan cepat manakala persekitaran pembelajaran universiti dikatakan rigid dan kurikulum pengajian masih lambat melakukan adaptasi. Majikan hari ini dan masa depan perlukan graduan yang mempunyai kemahiran kemahiran baru khususnya 4C (*creative, collaboration, critical thinking, communication*). Oleh itu universiti perlu menyediakan program pembelajaran yang lebih luwes, fleksibel dan bersifat terbuka. Ruang pembelajaran juga harus berubah kepada bentuk ruang pembelajaran yang dapat menyokong perubahan kepada program pengajian. Kemahiran yang perlu dimasukkan dalam program baru pengajian melibatkan aktiviti perbincangan, kerja kumpulan, penyelesaian masalah dalam persekitaran sebenar, inovasi, kreativiti dan *multi tasking* memerlukan ruang pembelajaran yang serba baru dan jauh berbeza dengan ruang pembelajaran konvensional seperti kelas di mana kerusi pelajar di susun berbaris dan rigid. Teknologi dan digitalisasi sangat penting didedahkan kepada pembelajaran di kampus. Kajian oleh Steven Higgins (2007) bertajuk "*The Impact of Digital Technology on Learning*" menjelaskan bagaimana perubahan yang pesat di luar kampus sukar diikuti dengan pengajaran dan pembelajaran di dalam kampus. Akhirnya apa yang dipelajari oleh para pelajar dalam tempoh pengajian mereka menjadi ketinggalan apabila mereka mula bekerja selepas bergraduan.
- (3) Kajian oleh Underwood (2007) bertajuk "*Understanding The Learning Space*" menunjukkan bahawa kebanyakan ruang pembelajaran di universiti masih ketinggalan di dalam menyediakan ruang pembelajaran yang berjaya memenuhi konsep 4iR dan pembelajaran abad 21. Menurut beliau, kesannya pembelajaran yang dilalui oleh pelajar akan mempengaruhi pengalaman mereka di tempat kerja. Ruang pembelajaran (*learning space*) yang rigid, konservatif dan terlalu berstruktur dan tidak fleksibel di universiti awam tidak menyokong kepada pembinaan pengalaman persekitaran di ruang pekerjaan nanti yang serba baru yang mesra internet, berkonsep terbuka dan mementingkan kerja pasukan dan interaksi sosial.

Ketiga tiga intipati dari kajian di atas menjelaskan kepada kita betapa pentingnya untuk kita semua menilai semua peranan kolej kediaman di dalam melengkapkan keupayaan dan kebolehpasaran pelajar. Sejauh mana universiti khususnya kolej kediaman boleh berubah untuk memenuhi keperluan baru ini? Apakah yang telah dilakukan sebelum ini bagi menjayakan perubahan ini? Jelas bahawa usaha untuk menyelesaikan tuntutan pertama dan kedua telah, sedang dan akan terus dilakukan oleh pihak kolej bagi menyediakan graduan yang diperlukan oleh majikan dan sektor pasaran kerja. Bagaimanapun, penelitian dan usaha penyelesaian

kepada tuntutan ketiga iaitu peranan universiti (khususnya kolej kediaman) dalam menyediakan ruang pembelajaran (*learning spaces*) yang sesuai dengan keperluan para pelajar masakini masih belum di teliti secara menyeluruh. Sedangkan kajian yang banyak dilakukan menunjukkan ruang fizikal sangat mempengaruhi prestasi akademik dan pembelajaran seseorang pelajar. Dalam keadaan ini, tuntutan menyediakan *softskills* dan *hardskills* sangat bergantung kepada keperluan menyediakan ruang pembelajaran (*learning spaces*) yang sesuai kepada pelajar. Fungsi kepengetahuan dan institusi felo sebagai penyokong akademik dan bukan akademik. Kajian oleh Strange dan Banning (2002) menunjukkan bahawa perubahan yang paling sukar untuk dilakukan di dalam proses ini ialah perubahan kepada ruang pembelajaran. Antara faktor utama ialah kebanyakan pentadbir mengambil sikap tidak kisah. Menurut mereka;

*“ although features of the physical environment lend themselves theoretically to all possibility, the layout, location and arrangement of space and facilities render some behaviours much more likely and thus more problem, than others. Because we habitually take space arrangement for granted, we often fail to notice the ways in which space constrains or enhances what we intend to accomplish”.*

Bagi menjawab persoalan ini, penulis ingin kongsi beberapa usaha yang sebenarnya telah UKM lakukan untuk mula melihat kolej kediaman sebagai sebuah pusat pembelajaran pada para pelajarnya. Di UKM usaha ini telah berlaku sejak awal tahun 2000 lagi. Misalnya di dalam dokumen rasmi UKM bertajuk *“Dasar Pengajaran dan Pembelajaran UKM”* (Semakan 2016) secara jelas telah dinyatakan tentang peranan kolej kediaman sebagai institusi pembelajaran. Antara lain dinyatakan secara jelas di dalam dokumen ini bahawa, *“Strategi pelaksanaan dasar ini mengambil kira 13 aspek ruang pembelajaran di UKM iaitu:*

1. Ruang pembelajaran di kolej kediaman;
2. Ruang pembelajaran di fakulti;
3. Ruang pembelajaran sukan dan permainan;
4. Ruang pembelajaran bagi kursus Latihan industri;
5. Ruang pembelajaran kursus kokurikulum dan aktiviti luar kurikulum;
6. Ruang pembelajaran dalam masyarakat melalui Kesukarelawanan Berteraskan Ilmu;
7. Ruang pembelajaran di alam maya dan persekitaran mudah alih (mobile);
8. Ruang pembelajaran seni dan kebudayaan;
9. Ruang pembelajaran Perpustakaan;
10. Ruang pembelajaran pengantarabangsa;
11. Ruang pembelajaran keusahawanan dan inovasi;
12. Ruang pembelajaran makmal alami;
13. Ruang pembelajaran untuk kebolehcapaian pelajar dalam kategori orang kelainan upaya (OKU).

Manakala bagi mencapai strategi kolej kediaman sebagai pusat pembelajaran dinyatakan secara jelas di dalam dokumen tersebut bahawa:

*“Kolej kediaman merupakan tempat tinggal pelajar yang diuruskan oleh universiti. Kolej kediaman adalah juga tempat pembelajaran akademik dan pembinaan*

*kompetensi. Kolej kediaman perlu menyediakan suatu ekosistem ilmu yang dapat membina, mengembangkan dan memperkaya pengalaman pembelajaran pelajar di UKM secara keseluruhannya”*

Malah sebelum itu lagi, di UKM sejak tahun 2006, program Sistem Pembangunan Kemahiran generic (SPKG) dan kemudiannya memperkenalkan secara meluas konsep “AKADEMIK KOLEJ” untuk dilaksanakan di kolej kolej kediaman. Banyak perkembangan telah berlaku selepas kewujudan Unit Akademik Kolej di UKM. Antaranya memulakan program/kursus berkredit melalui kolej kediaman. Diwujudkan jawatan Felo Akademik dari kalangan pensyarah di kolej (selain jawatan Felo Penghuni yang telah sedia ada). Hari ini semua kolej UKM telah menawarkan kursus akademik masing masing dibawah program CITRA UNIVERSITI.

### **APAKAH RUANG PEMBELAJARAN (LEARNING SPACES)**

Umumnya, kita memahami ruang pembelajaran sebagai satu ruang formal di mana seseorang atau sekumpulan pelajar melalui proses pembelajaran yang dibimbing oleh seorang guru/pensyarah. Ruang ini biasanya mempunyai struktur yang jelas seperti sebuah bilik darjah, dewan kuliah, makmal atau bilik tutorial. Selain itu kita juga memahami ruang pembelajaran (tidak formal) seperti perpustakaan atau bilik sumber. Inilah bentuk bentuk umum yang kita kategorikan sebagai ruang pembelajaran. Perkembangan teknologi, penyelidikan dan ekonomi secara langsung telah mengubah konsep pembelajaran. Apa yang diharapkan oleh pemain industri dan para majikan semakin kompleks dan berubah berbanding masa dulu. Oleh itu konsep ruang pembelajaran juga harus berubah untuk memenuhi keperluan semasa agar sentiasa relevan. Kajian oleh Strange dan Banning (2002) menjelaskan beberapa andaian ketinggalan dan sebahagiannya salah yang selalu digunakan oleh pentadbir dan pendidikan berkaitan penyediaan ruang pembelajaran yang harus berubah iaitu;

- (1) Learning only happens in classrooms*
- (2) Learning only happens at fixed times*
- (3) Learning is an individual activity*
- (4) What happens in classroom is pretty much the same from class to class and day to day*
- (5) A classroom always has a front*
- (6) Learning demands privacy and removal distractions*
- (7) Flexibility can be enhanced by filing rooms with as many chairs as will fit*
- (8) Higher education student are juvenile:*
  - a. They will destroy or steal expensive furnishings*
  - b. They need to be confined to table arm chairs to feel like students*
  - c. They are all small, young, nimble and without disabilities*

Banyak kajian lain (Watson:2006; Cain 2006; Reynolds: 2006; Maves:2005) telah menunjukkan bahawa konsep ruang pembelajaran telah mula dan semakin banyak berubah. Bentuk ruang pembelajaran tradisional seperti bilik dan dewan kuliah didapati sudah tidak selari dengan konsep dan matlamat pembelajaran era 4iR dan abad 21. Menurut Oblinger (2006), wujud tiga faktor utama yang menyebabkan trend perubahan kepada ruang pembelajaran iaitu;

- (1) Perubahan demografi dan sendiri pelajar (misalnya wujud gen-Y dan gen Z); pelajar masakini didapati lebih mementingkan pembelajaran yang aktif, perbincangan, penyelesaian masalah, inovatif dan mementingkan kebebasan/autonomi.
- (2) Perkembangan pesat Teknologi Maklumat dan pembangunan pesat inovasi peralatan digital (gajet). Malah sebenarnya semua sudah ada di dalam sebuah telefon pintar.
- (3) Perubahan kefahaman dunia pendidikan tentang konsep pembelajaran. Konsep kepelbagaian kecerdasan, pendidikan berteraskan inovasi, pembelajaran melalui pengalaman, cuba-gagal, pembelajaran bermakna, melalui proses belajar dan bekerja pada masa yang sama.

Mengikut Svinicki (2004), konsep ruang pembelajaran yang baru perlu memenuhi beberapa kriteria utama iaitu:

- (1) Fleksibiliti
- (2) Selesa
- (3) Tidak terfokus pada satu sudut
- (4) Stimulasi Deria yang tinggi
- (5) Sokongan teknologi khususnya digital
- (6) Perkongsian maklumat dan mesra kolaborasi
- (7) Ruang pembelajaran yang mementingkan keaktifan dan partisipasi

Kajian lain seperti Temple 2007 Yanni (2006) menunjukkan bahawa ruang pembelajaran terkini harus mengambil kira perkara-perkara berikut seperti;

keperluan Digital yang terkini,  
mempunyai ruang pembelajaran yang mobil dan bebas pergerakan,  
meningkatkan sosial dan interaksi serta penyertaan.  
Ruang pembelajaran yang meningkatkan perkongsian  
meningkatkan persaingan yang positif

## **TEORI BERKAITAN PENGARUH RUANG PEMBELAJARAN TERHADAP PENCAPAIAN PEMBELAJARAN**

Beberapa kajian lepas jelas menunjukkan bahawa ruang di mana proses pembelajaran berlaku sangat mempengaruhi pencapaian pembelajaran dan meningkatkan prestasi pelajar secara keseluruhannya. Perubahan ini berlaku apabila konsep pembelajaran semakin berkembang dan bergerak antara spektrum formal dan tidak formal. Penggunaan internet juga telah mengubah secara total konsep pembelajaran. Maka ruang pembelajaran juga telah berubah secara keseluruhannya. Kita telah melalui era di mana kajian-kajian pendidikan semakin banyak menunjukkan pengaruh ruang pembelajaran menjadi sangat berpengaruh kepada proses pembelajaran yang berkesan.

Secara khusus dua teori utama pembelajaran telah menyokong kuat pengaruh ruang pembelajaran terhadap prestasi pembelajaran pelajar. Kajian oleh Bransford dan Brown(1999) berasaskan teori kognitif pembelajaran menjelaskan bagaimana persekitaran pembelajaran dan ruang pembelajaran mempunyai implikasi yang sangat kuat dengan proses pembelajaran berlaku. Penemuan-penemuan kajian yang ada juga semakin kukuh mengaitkan

perkembangan kognitif yang dipengaruhi oleh ruang pembelajaran. Selain itu, tahap kognitif pelajar yang berkembang turut mempengaruhi perubahan kepada penyediaan ruang pembelajaran. Kajian berkaitan kognitif pembelajaran menunjukkan bahawa pembelajaran secara aktif adalah cara terbaik meningkatkan pengetahuan seseorang pelajar. Ruang pembelajaran yang memberikan sokongan kepada pembelajaran aktif adalah penting dan diperlukan. Dalam persekitaran hari ini yang menuntut pembelajaran aktif maka ruang pembelajaran juga harus berubah menjadi ruang yang menyokong kepada pembelajaran aktif melalui pemerolehan pengalaman pembelajaran dan penglibatan pelajar secara maksimum. Persekitaran pembelajaran yang menyediakan pengalaman, berjaya *stimulate* deria, *exchange information* dan menawarkan peluang untuk cubajaya dan maklumbalas segera aplikasi adalah sangat diutamakan.

Teori kedua berkaitan pengaruh ruang dapat difahami melalui teori konstruktivisme sosial. Teori ini menunjukkan bahawa pemerolehan pengetahuan serta kemahiran sangat berkait rapat dengan keupayaan seseorang pelajar menggunakan pengalaman yang diperolehi semasa pembelajaran dan mampu dikaitkan dengan pengalaman-pengalaman pembelajaran sebelumnya. Para pengkaji pembelajaran seringkali menggunakan konsep pengalaman pembelajaran dan prinsip *hands on* untuk menjelaskan keperluan ruang pembelajaran di dalam meningkatkan pengetahuan dan kemahiran seseorang pelajar. Kedua-dua teori ini (kognitif dan konstruktif) secara jelas menunjukkan bahawa ruang pembelajaran sangat berpengaruh terhadap prestasi dan pencapaian pembelajaran seseorang pelajar. Kedua-dua teori ini mampu menjelaskan bahawa pembelajaran yang berjaya menawarkan persekitaran yang dipenuhi dengan *setting* interaksi sosial akan sangat mempengaruhi keberkesanan pembelajaran. Dan bayangkanlah pula bagaimana ruang-ruang berbentuk tradisional yang sedang dilalui oleh pelajar. Dalam kedudukan berbaris, ia jelas tidak mengalakkan interaksi dan bertukar pandangan antara pelajar (Svinicki :2004).

## **MENGAPA PERLUKAN RUANG PEMBELAJARAN DI KOLEJ KEDIAMAN?**

Kajian oleh Aminuddin Yusuf (1997) menunjukkan masa pelajar banyak di kolej kediaman. Kolej menjadi bukan sahaja tempat pelajar menginap tetapi juga beraktiviti dan belajar. Pembelajaran di kolej bukan sahaja dalam skop akademik tetapi juga non-akademik. Oleh itu, dengan adanya ruang pembelajaran yang kondusif, moden dan selari dengan konsep pembelajaran abad 21 maka seperti yang telah dibuktikan oleh banyak kajian lepas, prestasi akademik pelajar akan lebih meningkat. Kolej kediaman menawarkan pakej yang lebih menarik jika pihak pengurusan kolej dapat menyediakan penginapan yang selesa dan ruang pembelajaran yang kondusif. Kombinasi ini akan menjadikan kolej kediaman sebagai pilihan utama pelajar. Oleh itu pasukan pengurusan kolej kediaman bukan sahaja perlu mempunyai pengurus penginapan tetapi juga kakitangan yang mahir dan berpengalaman di dalam membina ruang-ruang pembelajaran yang berkualiti. Ini adalah keperluan kepada pembinaan kolej-kolej kediaman pada masa depan.

## **TAHAP KESEDIAAN FIZIKAL TERHADAP PERLAKSAAAN RUANG PEMBELAJARAN DI KOLEJ KEDIAMAN UKM: RUMUSAN AWAL**

Penulis telah mengumpulkan banyak data-data berkaitan ruang pembelajaran di UKM. Selain data bilangan ruang pembelajaran mengikut kolej, terdapat juga foto serta data berkaitan

keluasan ruang pembelajaran di setiap kolej. Data data ini perlu diperhalusi untuk dikenalpasti ciri ciri serta tujuan penggunaannya sebagai ruang pembelajaran. Malah hasil dari semua data ini, jika ada permintaan pada masa depan, bolehlah disediakan kertas cadangan pada setiap kolej bagaimana ruang berkaitan boleh ditambah baik untuk meningkatkan keberkesanan persekitaran pembelajaran.

Bagi tujuan kertas ini, penulis tidak berhasrat untuk membincangkannya secara terperinci. Secara umumnya, hasil tinjauan dan pemerhatian yang dilakukan ke atas sepuluh buah kolej kediaman di kampus induk UKM, didapati bahawa semua kolej mempunyai ciri ciri asas dan sangat berpotensi untuk membangunkan ruang ruang pembelajaran. Terdapat tiga kategori utama hasil penelitian ini iaitu;

1. Semua Kolej kediaman UKM telah mempunyai ruang yang berpotensi untuk dibangunkan sebagai ruang pembelajaran. Semua kolej mempunyai sekurang kurangnya tiga ruang yang boleh dibangunkan sebagai ruang pembelajaran iaitu bilik-bilik aktiviti pelajar, ruang pusat kemudahan pelajar dan cafetaria. Jika dinaiktaraf sebagai ruang pembelajaran yang benar-benar memenuhi konsep dan maksud pembelajaran abad 21 maka ruang ruang ini sangat signifikan dan bermakna sekali pada pembelajaran pelajar.
2. Terdapat beberapa kolej yang telah mempunyai ruang pembelajaran yang baik tetapi perlu diubah suai untuk memenuhi ciri ciri ruang pembelajaran yang berkonsepkan 4iR. Terdapat kolej yang memiliki dewan dewan seminar dan bilik aktiviti yang besar dan sangat baik. Hanya perlu memenuhi beberapa kriteria ruang pembelajaran abad 21 seperti warna yang lebih menarik dan menyokong psikologi pembelajaran, talian internet yang lebih laju, susun atur perabot yang lebih santai, ruang tidak berbentuk seperti bilik darjah dan memenuhi konsep pembelajaran seperti yang dinyatakan sebagai ruang pembelajaran abad 21.
3. Beberapa Kolej kediaman UKM telah mempunyai ruang pembelajaran yang memenuhi maksud dan konsep pembelajaran berteknologi abad 21 dan ciri-ciri 4iR. Terdapat kolej yang beberapa ruangnya telah bersedia untuk menerima jolokan "*kemudahan kolej dengan ruang pembelajaran abad ke 21*" di UKM. Bukan sahaja memiliki ruang pembelajaran yang besar dan menarik malah dilengkapi dengan susunan perabot dan sofa yang selesa dan menyokong kepada bentuk pembelajaran yang mengutamakan perbincangan dan kerjasama antara pelajar.

## CABARAN

1. Ada kolej yang mempunyai banyak ruang yang berpotensi untuk membina ruang pembelajaran serba lengkap. Bagaimanapun kerana kadar sewa atau yuran bilik terlalu rendah (RM3.00-RM5.00) maka kolej kolej berkenaan tidak bersedia atau mampu untuk membina ruang pembelajaran tersebut. Kos penyediaan ruang pembelajaran dan kos penyelenggaraan ruang pembelajaran adalah tidak memadai dari hasil yuran penginapan. Oleh itu kolej kolej kediaman perlu mencari kaedah kaedah lain untuk membangunkan ruang pembelajaran. Penajaan, perkongsian dengan pihak syarikat swasta dan penajaan endowmen adalah antara strategi yang seharusnya dimulakan oleh pihak pengurusan kolej kediaman.
2. Keutamaan untuk membina ruang pembelajaran masih dianggap sebagai bukan keutamaan kepada kolej kediaman kerana tanggapan bahawa kolej ialah tempat penginapan pelajar masih kukuh. Kakitangan kolej kediaman adalah dari kalangan

sumber manusia yang di latih dalam bidang pengurusan asrama. Masih belum ada kolej yang mempunyai tenaga sumber manusia yang dilatih secara profesional dalam bidang pendidikan khususnya menguasai kepakaran pendidikan di era 4iR.

3. Kesyediaan pihak pentadbiran tertinggi universiti untuk memberikan peruntukan kepada penyediaan ruang pembelajaran juga masih sangat kurang. Peruntukan mengurus diberikan untuk melaksanakan pengurusan kolej kediaman sebagai tempat penginapan pelajar sahaja. Tiada peruntukan khusus disediakan untuk pihak kolej membangunkan ruang ruang pembelajaran yang memenuhi maksud ruang pembelajaran yang bercirikan abad 21 dan 4iR.
4. Struktur bangunan kolej kediaman sedia ada di UKM dibina sekitar 30-40 tahun yang lalu. Kecuali 3 kolej sahaja yang di bina pada tahun 1990an. Dan tidak ada kolej dibina selepas tahun 2010 ketika idea 4iR dan pendidikan abad 21 mula diterima masyarakat.. Oleh itu, kita dapat menggambarkan bahawa struktur bangunan yang sedia ada adalah direkabentuk hanya memenuhi maksud kolej sebagai sebuah tempat kediaman pelajar dan bukannya sebuah tempat pembelajaran sepertimana yang diharapkan.

## IMPLIKASI DAN CADANGAN

Kertas ini cuba untuk membuka sedikit ruang supaya kita semua dapat menilai kembali sejauhmana kolej kolej kediaman di universiti negara kita telah melakukan transformasi dari sebuah kolej kediaman untuk tujuan penginapan kepada sebuah kolej akademik. Adakah kita sudah bermula atau masih terfikir fikir untuk memulakannya. Sedangkan keperluan dan *expectation* para pelajar kita semakin laju di hadapan meninggalkan kita. Mereka semakin maju dari segi stail pembelajaran, penggunaan teknologi maklumat, terdedah kepada persekitaran ruang pembelajaran yang lebih sofistikated dan bernilai tinggi. Sedangkan kita masih di dalam ruang yang lama dan sentiasa menggunakan alasan peruntukan mengekang usaha kita.

Pada masa yang sama juga, wujud keperluan untuk pengurusan tertinggi universiti memberikan keutamaan kepada pembinaan ruang pembelajaran di kolej kediaman supaya peningkatan prestasi akademik dapat dilakukan sebagaimana yang telah dicadangkan oleh banyak kajian kajian yang telah dibincangkan sebelum ini. Oleh itu adalah menjadi tanggungjawab kita dan kepimpinan MAPUM khususnya untuk menyakinkan pengurusan tertinggi universiti untuk melihat keperluan yang kritikal ini dan dengan segera menyediakan peruntukan khusus untuk membangunkan ruang pembelajaran di kolej kediaman universiti di negara ini. Pada masa yang sama juga disarankan supaya pihak fakulti melalui Timbalan Naib Canselor Akademik harus berani untuk menstrukturkan kembali pelaksanaan akademik agar para pelajar diberikan peluang untuk melaksanakan proses pembelajaran mereka secara yang lebih fleksibel dan membuka ruang pengajaran/pembelajaran/mentoring melalui perbincangan akademik antara pensyarah-pelajar di ruang pembelajaran kolej kediaman.

Akhirnya, kertas ini mencadangkan supaya MAPUM sebagai badan induk yang mempunyai pengaruh di dalam merancang dan memberikan input kepada pihak pembuat dasar universiti awam Malaysia supaya mewujudkan satu jawatan kuasa khas untuk menjalankan satu kajian penilaian di UA dan IPTS berkaitan pelaksanaan ruang pembelajaran yang komprehensif di kolej kolej kediaman. Kajian penilaian ini penting untuk MAPUM lebih bersedia dalam merancang dan mencadangkan bentuk pembelajaran yang sepatutnya berlaku di kolej kolej kediaman dalam era kolej kediaman bukan lagi sekadar sebagai institusi penginapan tetapi juga sebuah institusi pembelajaran di dalam ekosistem universiti.

## BAHAN BACAAN

- Cai Y (2012) Graduate Employability: A Conceptual Framework for Understanding Employers' Perceptions. *Higher Education*, 1-13. Clarke M (2008) Understanding and managing employability in changing career contexts. *Journal of European Industrial Training* 32 (4), 258-284.
- Eric, Serge, Karim (2015) Engineering graduates' skill sets in the MENA region: a gap analysis of industry expectations and satisfaction. *European Journal of Engineering Education*. DOI:10.1080/03043797.2015.1012707.
- Harvey L (2001) Defining and measuring employability. *Quality in Higher Education* 7 (2), 97-109.
- Majlis Penasihat Ekonomi Negara (MPEN) (2010) Model Baru Ekonomi untuk Malaysia. National Economic Advisory Council, Putrajaya.
- Malaysia (2007) National Higher Learning Action Plan 2007-2010. Ministry of Higher Education, Putrajaya.
- Malaysia (2010a) Higher Education Statistics of Malaysia 2009. Ministry of Higher Education, Putrajaya.
- Malaysia (2010b) Tenth Malaysia Plan 2011 – 2015. Economic Planning Unit, Kuala Lumpur.
- Malaysia (2011a) Investigation on Labour workforce time series data, 1982-2010.
- Malaysia (2011b) Higher Education Statistics of Malaysia 2010. Ministry of Higher Education, Putrajaya.
- Malaysia (2012a) Higher Education Statistics of Malaysia 2011. Ministry of Higher Education, Putrajaya.
- McQuaid R, Linda C (2005) The concept of employability. *Urban Studies* 42 (2), 197-219.
- Pegg A, Waldock J, Hendy-Isaac S, Lawton R (2012) Pedagogy for employability. The Higher Education Academy, York.
- Sewell P, Dacre Pool L (2010) Moving from Conceptual Ambiguity to Operational Clarity. Employability, enterprise and entrepreneurship in higher education. *Education and Training* 52 (1), 89-94. Doi: 10.1108/00400911017708.
- Yee Ting Ngoo, Kui Ming Tiong, Wei Fong Pok (2015) Bridging the Gap of Perceived Skills between Employers and Accounting Graduates in Malaysia. *American Journal of Economics* 5(2), 98-104. Doi:10.5923/c.economics.201501.09.